

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 06 Ogos 2021



KENYATAAN MEDIA

INDEKS HARGA PENGELOUAR PERKHIDMATAN MALAYSIA (IHPrP) SUKU TAHUN KEDUA 2021

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 0.3% pada Suku Tahun Kedua 2021

PUTRAJAYA, 06 Ogos 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) bagi mengukur purata perubahan harga perkhidmatan yang dikenakan oleh industri perkhidmatan tempatan di Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) bagi suku tahun kedua 2021 meningkat 0.3 peratus kepada 110.3 berbanding 110.0 pada suku yang sama tahun sebelumnya. Subsektor utama yang menunjukkan kepada peningkatan indeks ini ialah Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (1.6%), Aktiviti Hartanah (1.5%), Pendidikan (0.5%), Kesihatan (0.3%) dan Profesional (0.1%). Bagaimanapun, subsektor Pengangkutan dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi masing-masing menunjukkan penurunan 0.3 peratus dan 0.1 peratus. Indeks Maklumat dan Komunikasi tidak berubah.”

Mengulas lanjut terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Perbandingan suku tahunan menunjukkan indeks meningkat kepada 0.1 peratus. Peningkatan ini disumbangkan oleh tiga subsektor iaitu Kesenian, Hiburan & Rekreasi (1.1%), Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (0.4%)

dan Pengangkutan (0.1%). Manakala subsektor berikut adalah tidak berubah: Maklumat & Komunikasi, Aktiviti Hartanah, Profesional, Pendidikan dan Kesihatan.”

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

06 OGOS 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, August 6th 2021



MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI)
SECOND QUARTER 2021

***Services Producer Price Index increased 0.3%
in the Second Quarter of 2021***

PUTRAJAYA, 06 August 2021 – Today, the Department of Statistics, Malaysia released the Services Producer Price Index (SPPI) to measure the average changes in the prices of services charged by the local services industry in Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “The Services Producer Price Index (SPPI) for the second quarter of 2021 increased 0.3 per cent to 110.3 as compared to 110.0 in the same quarter of the preceding year. The main sub-sectors that showed an increase were Accommodation and Food & Beverage Service Activities (1.6%), Real Estate Activities (1.5%), Education (0.5%), Health (0.3%) and Professional (0.1%). However, the index for Transportation and Arts, Entertainment & Recreation decreased by 0.3 per cent and 0.1 per cent respectively. Index for Information & Communication remained unchanged.”

Commenting further on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “On the Quarterly basis, the index increased 0.1 per cent. This was driven by three sub-sectors namely Arts, Entertainment & Recreation (1.1%), Accommodation and Food & Beverage Service Activities (0.4%) and Transportation (0.1%). However, the following subsectors remained unchanged: Information & Communication, Real Estate Activities, Professional Education and Health.”

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

06 AUGUST 2021